

Pemimpin digugurkan boleh dilantik semula AJK penaja

UM - 6 DEC 2003

KUALA LUMPUR 5 Dis. — Pemimpin-pemimpin UMNO termasuk lima ketua bahagian yang digugurkan boleh dilantik semula sebagai ahli jawatankuasa penaja UMNO bahagian.

Setiausaha Kerja UMNO, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, ini selaras dengan keputusan Majlis Tertinggi yang membenarkan ketua bahagian melantik lima lagi ahli bagi menganggotai jawatankuasa penaja bahagian.

Bagaimanapun, jelasnya, tereserah kepada ketua bahagian masing-masing untuk menambah lima lagi ahli baru jawatankuasa bahagian itu.

“Kita mahu mereka merapatkan barisan kepimpinan dalam perjuangan, jadi mereka boleh dilantik sesiapa sahaja yang mereka fikir sesuai, terpulang kepada ketua penaja yang ada sekarang,” katanya.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui selepas mengangkat sumpah sebagai ahli Dewan Negara bagi penggal kedua di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh

di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada 22 November lepas mengumumkan pelantikan ahli jawatankuasa penaja UMNO bahagian yang menyaksikan lima daripada ketua bahagian sedia ada digugurkan.

Ketua bahagian terbabit ialah Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd. Nor (Bachok), Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai) dan Tuan Hashim Tuan Yaakob (Kubang Kerian) dan Ketua bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad.

Dua lagi ketua bahagian iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad (Kubang Pasu) dan Tan Sri Mohamed Rahmat (Pulai) pula berundur secara sukarela.

Pada mesyuarat itu juga, jawatankuasa penaja UMNO bahagian dibenar melantik lima lagi ahli untuk menganggotai jawatankuasa berkenaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO kelmarin turut membenarkan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri bahagian melantik

lima lagi ahli jawatankuasa penaja bahagian.

Tengku Adnan berkata, penambahan lima lagi ahli baru menganggotai jawatankuasa penaja bahagian diputuskan berikutan terdapat pemimpin yang berpindah ke bahagian baru yang ditubuhkan.

“Kita mahu semua orang dapat bekerjasama, itu sebab UMNO membenarkan ditambah lima lagi ahli jawatankuasa, tetapi tidak semestinya setiap bahagian perlu mengisi kuota itu,” jelasnya.

Oleh yang demikian, beliau meminta setiap bahagian menyerahkan nama lima lagi ahli jawatankuasa penaja bahagian yang baru dilantik itu kepada Badan Perhubungan UMNO negeri.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan UMNO kelmarin yang mengarahkan semua bahagian bergerak mulai 17 Disember ini bukan bermakna UMNO menghadapi masalah berhubung pelantikan ahli jawatankuasa penaja UMNO bahagian.